



LAWATAN ... Pelajar lelaki SMA Labuan bergambar kenangan sempena lawatan sambil belajar ke UMS-KAL.

139 pelajar SMA Labuan lawat UMS-KAL

NST 04-03-2012 8

LABUAN: Seramai 139 pelajar Sekolah Menengah Agama (SMA), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada 54 pelajar lelaki dan 85 pelajar perempuan membabitkan pelajar Tingkatan Satu dan Dua yang berasal dari Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah, Sarawak termasuk empat penuntut dari Indonesia.

Rombongan tersebut diketuai oleh Guru Penolong Kanan Satu, Abdul Fattah Abdul Hafiz, Guru Penolong Kanan, Hal Ehwal Murid, Azlan Yassin dan tiga guru perempuan, Noradawiyah Othman, Noorkamalazari Zaman dan Haryani.

Menurut Abdul Fattah, lawatan itu bertujuan untuk mendedahkan para pelajar kepada suasana pem-

belajaran di peringkat institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, pendedahan itu penting sebagai perseediaan mereka menghadapi aliran sekolah menengah atas dan seterusnya suasana di sebuah universiti awam.

"Lawatan sambil belajar itu diharap mampu menyuntik semangat murid untuk gigih berusaha agar cita-cita mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi akan tercapai," katanya.

Sementara itu, taklimat mengenai pentadbiran UMS-KAL disampaikan oleh Penolong Pendaftar Pentadbiran, Noraini Samsu.

Turut hadir Penyelaras Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Soon Chiow Thai dan Pustakawan, Dayang Ruhidah Saplee. -OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)